

## Berita

# Ketidaktentuan ekonomi peluang bagi ahli akademik, pemerintah bekerjasama

Ye Kung: Pandangan golongan akademik dapat mengemudi ketidaktentuan ekonomi dan sosial

“Ini (keadaan ekonomi yang tidak menentu dan gangguan teknologi) merupakan peluang yang terbaik bagi perkongsian lebih rapat antara pemerintah dengan golongan akademik bagi menangani isu ekonomi besar hari ini... Saya yakin SER (Semakan Ekonomi Singapura) akan terus menghasilkan pengetahuan relevan di Asia dan dunia akan mempunyai minat terhadapnya.”

– Menteri Pendidikan, Encik Ong Ye Kung.

KEADAAN ekonomi yang tidak menentu dan gangguan pada teknologi, menjadikannya masa yang terbaik untuk memperkukuh hubungan antara golongan akademik dengan pemerintah, kata Menteri Pendidikan, Encik Ong Ye Kung.

Menurut Encik Ong, segala persoalan, pandangan dan bukti yang dikemukakan golongan akademik kepada masyarakat amat penting agar dapat mengemudi ketidaktentuan ekonomi dan sosial sekarang.

“Ini merupakan peluang yang terbaik bagi perkongsian lebih rapat antara pemerintah dengan golongan akademik bagi menangani isu ekonomi besar hari ini,” ujarnya.

Encik Ong berkata demikian semasa pe-

lancaran Persidangan Semakan Ekonomi Singapura anjuran Universiti Teknologi Nanyang (NTU) di Hotel Mandarin Orchard, semalam.

Persidangan tiga hari itu telah menyatukan sekitar 330 pakar ekonomi, ahli perniagaan serta penggubal dasar dulu dan sekarang dari hampir 40 negara.

Mereka telah berhimpun untuk bertukar-tukar idea bagaimana merencanakan ekonomi global sekarang.

Persidangan itu merupakan acara dwitahunan utama Semakan Ekonomi Singapura (SER), satu daripada jurnal ekonomi utama di Asia yang terletak di NTU.

Lebih 300 kertas kerja akan dibentangkan. Ia akan membincangkan pelbagai isu

termasuk sains ekonomi, perubahan iklim, sekitaran dan isu tenaga.

Semasa berucap, Encik Ong berkongsi tiga persoalan ekonomi yang menjadi keprihatinan pemerintah di dunia sekarang.

Ia termasuk apa yang mendorong semangat persaingan sesebuah negara di masa hadapan; bagaimana negara dapat memastikan pertumbuhan yang dipimpin inovasi dapat memanfaatkan masyarakat secara keseluruhan dan bukan mereka yang cenderung teknologi sahaja; serta trend daripada sumber bidang lain yang tetap mempunyai kesan hebat terhadap ekonomi.

Memberikan contoh terhadap soal ketiga, Encik Ong menukil bagaimana perubahan iklim akan menjejaskan tanaman selain corak pelancongan.

Menerusi soalan-soalan itu dan isu yang ditimbulkan, Encik Ong berharap banyak yang dapat dibincangkan semasa persidangan tersebut.

Menyentuh tentang SER, yang telah menerbitkan pelbagai isu termasuk manfaat dan cabaran penyepaduan rantau Asia serta bagaimana Singapura boleh bergerak maju menuju ekonomi lebih produktif, Encik Ong berkata:

“Saya yakin SER akan terus menghasilkan pengetahuan relevan di Asia dan dunia akan mempunyai minat terhadapnya.”

Antara mereka yang akan turut berkongsi pengalamannya dalam persidangan itu ialah salah seorang bapa pengasas yang memimpin pengurusan Majlis Gaji Kebangsaan

(NWC) selama 29 tahun, Encik Lim Chong Yah.

Beliau yang juga profesor emeritus di NTU dan pernah bekerja dengan ketiga-tiga perdana menteri Singapura akan turut mengongsi pandangannya berhubung pembangunan negara dalam era moden selain menjelaskan mengapa paras pertumbuhan global dan kadar pertumbuhan berbeza.

Penceramah lain yang akan turut membuat perkongsian di persidangan itu ialah profesor perniagaan dan pemerintah serta pengarah Program Ekonomi Sekitaran Universiti Harvard, Profesor Robert N Stavins.

Beliau akan mengongsi tentang ironi berkaitan dasar perubahan iklim dan bagaimana ia bercanggah dan juga memburukkan lagi perubahan iklim.



SUMBANG IDEA: Encik Ong Ye Kung menyampaikan ucapannya semasa pelancaran Persidangan Semakan Ekonomi Singapura yang dihoskan Universiti Teknologi Nanyang (NTU) di Hotel Mandarin Orchard, semalam. – Foto BH oleh TIMOTHY DAVID